



**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 453 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 45,862 kes. Tiga (3) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di Kinabatangan, Sandakan dan Lahad Datu. Takziah diucapkan kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 650 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 41,579 orang. Sejumlah 2,839 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 862 orang di hospital, 1,958 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 19 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 81 orang dan 17 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada penambahan zon merah dicatatkan.

- 4 Terdapat **satu kluster baharu** iaitu:

**Kluster Ladang Desa Jerocco, Kinabatangan** dengan 34 kes positif COVID-19 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 38 kes. Kes indeks melibatkan dua (2) orang pekerja penyabit buah sawit yang positif RTK Ag dalam saringan PERKESO. Susulan penemuan itu, Pejabat Kesihatan Kawasan Kinabatangan mengarahkan pihak pengurusan ladang menjalankan saringan kontak rapat dan saringan pekerja ke atas 70 pekerjanya. Daripada jumlah itu, 36 lagi kes positif COVID-19 berjaya dikesan. Penilaian risiko serta saringan masih lagi diteruskan ke ladang-ladang milik syarikat yang sama.

- 5 Daripada 453 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 293 kes (64.7%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 71 kes (15.7%), saringan kluster baharu dan sedia ada 49 kes (10.8%), saringan pelajar masuk asrama tiga (3) kes (0.7%), saringan komuniti tiga (3) kes (0.7%), saringan PERKESO satu (1) kes (0.2%) dan 33 kes (7.2%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,100 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,580 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara pula kekal 1,100 unit. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kapasiti katil ialah 6,780 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 41.87%.

**B. PELANJUTAN OPERASI KEDAI MAKAN DAN STESEN MINYAK SEMASA TEMPOH PKP**

- 1 Selaras dengan keputusan yang dibuat di peringkat Persekutuan, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melanjutkan waktu operasi restoran, kedai/ gerai makan, kenderaan bersaji (*food truck*), penjaja tepi jalan, penjaja beredara, medan selera/ pusat penjaja, gerai makan tepi jalan/kiosk termasuk perkhidmatan penghantaran makanan di antara **jam 6.00 pagi sehingga jam 10.00 malam**.
- 2 Aktiviti penjualan makanan hanya dibenarkan secara **bawa pulang, pandu lalu atau penghantaran sahaja**.
- 3 Semua stesen minyak di negeri ini juga dibenarkan beroperasi dari **jam 6.00 pagi hingga jam 10.00 malam**.

**C. KELONGGARAN KEBENARAN MASUK KE SABAH SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BAGI PEGAWAI DAN ANGGOTA POLIS**

- 1 Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberi kelonggaran bagi kemasukan pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) ke Sabah semasa pelaksanaan PKP bagi yang bertugas di Sabah, tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang berikut:
- 1.1 Pegawai dan anggota yang bertugas di Sabah hendaklah mendapatkan cop Seksyen 66(1)(d) Akta Imigresen 1959/63 semasa ketibaan di pintu-pintu masuk Negeri Sabah;

- 1.2 Kemasukan ke Sabah hendaklah menggunakan Dokumen Perjalanan Terhad (DPT) atau Pasport Antarabangsa Malaysia (PMA) untuk mendapatkan cop seksyen tersebut; dan
  - 1.3 Mengemukakan dokumen sokongan seperti surat pertukaran atau surat penempatan dari jabatan untuk berkhidmat di Sabah.
- 2 Bagi tanggungan kepada pegawai dan anggota PDRM yang bertugas di Sabah, hendaklah menunjukkan bukti perhubungan sebelum kemasukan ke Sabah dan hendaklah mendapatkan cop Seksyen 66(2) Akta Imigresen 1959/63 atau memohon Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang di pejabat Imigresen Sabah dengan serta-merta setelah masuk ke Sabah.

#### **D. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga hari ini, sebanyak **320,866** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

#### **E. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 63 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 41,333 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 205 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat namun, 41 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 55 hebaham melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 27 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 11 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lima (5) premis, di empat (4) buah daerah iaitu Beluran, Keningau, Semporna dan Kota Kinabalu.
- 4 Hebaham umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 105 lokasi di 12 daerah. Hebaham dibuat dalam dua (2) bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Bajau.

**F. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.25%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	94%
2	Ranau	93%
3	Kota Belud	93%
4	Kunak	93%
5	Tenom	93%
6	Beluran	93%
7	Kota Marudu	93%
9	Kinabatangan	93%
10	Beaufort	93%
11	Kudat	92%
12	Papar	92%
13	Tuaran	92%
14	Keningau	92%
15	Sandakan	91%
16	Kota Kinabalu	91%
17	Penampang	91%
18	Lahad Datu	91%
19	Tawau	91%

- 2 Kadar pematuhan SOP yang rendah pada hari ini adalah disebabkan ramai dari kalangan ibubapa dan penjaga yang menghantar pelajar ke sekolah mengambil peluang membeli belah menyebabkan bilangan kenderaan dan pergerakan orang ramai di kawasan bandar semakin meningkat.
- 3 Kerajaan Negeri memandang berat perkembangan ini dan menasihatkan orang ramai agar mematuhi peraturan yang ditetapkan dan hanya membeli barang-barang keperluan di tempat masing-masing dalam radius **10 KM**.
- 4 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan kompaun **RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**  
22 Januari 2021